#sinergibersama #sinergitrust

Universiti Teknologi MARA | Cawangan Melaka

# e-BuletinUiTMCM Citra

| UiTM Cawangan Melaka

#OKT
eBuletinUiTMCM Vol..10 -Oktober/22




## *Sorotan menarik bulan Oktober :*

- Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2022 - Februari 2023
- Webinar Bersiri Bicara Pakar 2 Benua: Mencipta Usahawan Zoomer
- Kem Dan Pertandingan Robotik Lego Education Wedo 2.0 Peringkat Negeri Melaka






UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Melaka

*Citra* e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Kesepuluh - Oktober 2022

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

**PENAFIAN :**
Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2022 Hakcipta Terpelihara

| UiTM Cawangan Melaka

# Isi Kandungan

## e-BuletinUiTMCM

| UiTMCM

**Pendahuluan**
Dari Meja Ketua Editor 6

**Program Universiti** **7**

Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2022 - Februari 2023 8

Hari terakhir Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2022 - Februari 2023 9

Amanat Rektor UiTM Cawangan Melaka kepada pelajar baharu bagi Sesi Oktober 2022 - Februari 2023 10

Selamat Datang
YB Datuk Khaidirah Abu Zahar
YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Ibrahim Abu Shah 11

Album Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2022 - Februari 2023 12

Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1444H/2022M 13

Pemeteraian Memorandum antara UiTM Cawangan Melaka dengan Universitas Islam Negeri Mataram Indonesia 14

Pemeteraian Memorandum antara UiTM Cawangan Melaka dengan Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang (UIN Walisongo) 15

Lawatan Penanda Aras dari UiTM Cawangan Selangor ke UiTM Cawangan Melaka 16

Sesi Serahan Sumbangan Komputer Riba dari Yayasan RI dan Pejabat Pembangunan Infrastuktur dan Infostruktur (PPII) UiTM Shah Alam 17

Memorandum persefahaman (MoU) antara UiTMCM dengan Universiti Chiang Rai Rajabhat, Thailand 18

Kunjung hormat Pengarah MKN Negeri Melaka ke UiTM Cawangan Melaka 19

#SUZAUiTMCM #CIPSF #MASMEDUiTMCM #IslamicReliefMalaysia 20

Majlis Perasmian Pembukaan Expo Lendu International Art Community (LIAC#4) 21

Majlis Perasmian Karnival Youth Career, Lendu International Arts Community LIAC#4 Dan Hari Terbuka DUN Lendu 2022 22

Pameran & Album seni "DERIA 2022" 23-24

Webinar bersiri Bicara Pakar 2 Benua: Mencipta Usahawan Zoomer 25

# Isi Kandungan

## e-BuletinUiTMCM

| UiTMCM

Webinar bersiri Bicara Pakar 2 Benua: Mencipta Usahawan Zoomer 25

Exchange Of Memorandum Of Understanding (MoU) And Memorandum Of Agreement (MoA) Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) And 18 Industries 26

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama (Joint Management Committee - JMC) 27

Pembentangan Akhir AKNC 2022 UiTM Cawangan Melaka 28

Program Kepimpinan Altruistik bertempat di Dewan Taming Sari, UiTM Cawangan Melaka 29

Kem Dan Pertandingan Robotik Lego Education Wedo 2.0 Peringkat Negeri Melaka 30

**Ucapan Tahniah, Kejayaan & Pencapaian Warga Universiti 32-35**

A-MiNDS Raih Penarafan EMAS di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat UiTM 2022 36

Pasukan AKNC UiTMCM Mara ke Peringkat Akhir Anugerah Naib Canselor 2022 Pingat Emas 37

Nur Qistina Batrisyia Binti Adinatta-Pingat Emas (Kejuaraan Silat Kebangsaan PSSGM Keb 2022 Besut Terengganu 38

**Siri Webinar/Bengkel**

Siri Bengkel & Webinar Universiti 40-42

**Artikel/Liputan Media 44**

Sibuk, tinggal solat tanda keberkatan hidup di tarik 45

Perketat pemantauan bank digital 45

Having car insurance coverage for floods is vital 46

Artis usah pertaruh glamor, kontroversi jadi calon PRU-15 46

IR 4.0 : Sudah sediakah kita diganti dengan robot 47

Tiba masa pemimpin pelapis muda terajui politik Malaysia 47

Media sosial tarik perhatian anak muda 48

PRU 15 : Momentum PRN Melaka untuk BN tawan kerusi Parlimen 49

Sidang

# Redaksi

## e-BuletinUiTMCM

| UiTMCM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Melaka



**Ketua Editor**
Akmal bin Adanan



**Editor Buletin**
Azniza binti Hasan



**Editor Buletin**
Hasnor Zura binti Hashsim



**Editor Buletin**
Khalidah Hadibah binti Md Khalid



**Editor Buletin**
Suraini binti Mohammad



**Editor Grafik**
Hail Jefri bin Rusli



**Isi kandungan**
Anwar Farhan bin Zolkeplay



**Isi kandungan**
Nur Hidayah binti Zaini



**Isi kandungan**
Norazimah binti Mat




UiTMCM *Telegram* channel

Dapatkan maklumat-maklumat Universiti dari Telegram rasmi

Sila imbas kod di atas untuk ke **"Channel STAF UiTMCM"**

Sila imbas kod di atas untuk ke **"Channel PELAJAR UiTMCM"**

Dari Meja

# KETUA EDITOR



Dari Meja Ketua Editor,

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin **Citra** - Vol.10 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Oktober 2022 ini.

e-Buletin edisi kali ini melaporkan program-program universiti antaranya Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2022 - Februari 2023, Webinar Bersiri Bicara Pakar 2 Benua: Mencipta Usahawan Zoomer dan pelbagai lagi program lain.

Semoga segala hebahan maklumat di dalam buletin ini dapat dijadikan bahan dan rujukan buat semua warga kampus.

Sekian, terima kasih.

**Akmal Adanan**
Ketua Unit Komunikasi Korporat

# Program-program Universiti

# Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2022 - Februari 2023










# Hari terakhir Minggu Destini Siswa Sesi Oktober 2022 - Februari 2023











# Amanat Rektor UiTM Cawangan Melaka kepada pelajar baharu bagi Sesi Oktober 2022 - Februari 2023




UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
Selamat Datang
YB. Datuk Khaidhirah Abu Zahar
Timbalan Yang di-Pertua
Dewan Undangan Negeri Melaka
atas lawatan kerja ke
UiTM Cawangan Melaka
daripada
Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka
#KeluargaUiTM


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
Selamat Datang
YBhg. Profesor Emeritus Tan Sri
Dato' Seri Dr Ibrahim Shah Abu Shah
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
atas lawatan kerja ke
UiTM Cawangan Melaka
daripada
Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka
#KeluargaUiTM

Program Universiti

# Album Minggu Destini Siswa (MDS) Sesi Oktober 2022 - Februari 2023















# Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1444H/2022M




MELAKA, 9 Oktober 2022 - Tahniah kepada 60 orang peserta dari UiTM Cawangan Melaka telah bersama-sama berarak dari Stadium Tun Fatimah, Bukit Serindit ke Dataran Pusat Islam Melaka sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1444H/ 2022M, hari ini.

Kumpulan perarakan UiTMCM menyertai perarakan seramai lebih 5,000 peserta mewakili 118 kontinjen dalam majlis yang dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang diPertua Negeri Melaka.

# Pemeteraian Memorandum antara UiTM Cawangan Melaka dengan Universitas Islam Negeri Mataram Indonesia



ALOR GAJAH, 12 Oktober 2022 – Universiti Teknologi MARA dan Universitas Islam Negeri Mataram Indonesia, hari ini telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan secara dalam talian di aplikasi Zoom dan YouTube UiTM Cawangan Melaka.

# Pemeteraian Memorandum antara UiTM Cawangan Melaka dengan Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang (UIN Walisongo)



ALOR GAJAH, 13 Oktober 2022 –Universiti Teknologi MARA dan Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang (UIN Walisongo) hari ini telah memeterai satu Memorandum Perjanjian (MoA) yang diadakan secara dalam talian di aplikasi Zoom dan YouTube UiTM Cawangan Melaka. MoA ini telah ditandatangani oleh YBhg Rektor, Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi bin Zaini mewakili YBhg. Datuk Naib Canselor, dan Dr Muhammad Saifullah, M.Ag, selaku Dekan, fakultas Ekonomi dan Bisnis Islam UIN Walisongo Semarang, Indonesia. Majlis tersebut juga turut disaksikan oleh Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTMCM, Ketua Pusat Pengajian dan Pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTMCM.

# Lawatan Penanda Aras dari UiTM Cawangan Selangor ke UiTM Cawangan Melaka













ALOR GAJAH, 14 Oktober 2022 Satu Lawatan Penanda Aras di UiTM Cawangan Melaka oleh UiTM Cawangan Selangor telah diadakan pada 14 Oktober 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama (BMU)UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Seramai sepuluh (10) orang staf terdiri daripada wakil bahagian dari UiTM Cawangan Selangor diketuai oleh Cik Adlin Na'qiah Binti Sabar @ Sabal, Timbalan Pendaftar UiTM Cawangan Selangor telah hadir.

# Sesi Serahan Sumbangan Komputer Riba dari Yayasan RI dan Pejabat Pembangunan Infrastuktur dan Infostruktur (PPII) UiTM Shah Alam



ALOR GAJAH, 19 Oktober 2022- Telah berlangsung Sesi Serahan Sumbangan Komputer Riba dari Yayasan RI dan Pejabat Pembangunan Infrastuktur dan Infostruktur (PPII) UiTM Shah Alam di Pejabat Rektor UiTMCM. Yayasan RI merupakan sebuah yayasan yang  diasaskan oleh YBhg. Dato' Rizalman Ibrahim, Ahli Lembaga Pengarah UiTM. Sumbangan ini diberikan kepada para pelajar dari golongan yang berkeperluan terutama dari kalangan B40. Seramai 11 orang pelajar dari UiTM Cawangan Melaka terpilih untuk menerima sumbangan komputer riba dari Yayasan RI dan PPII UiTM Shah Alam yang mana 7 orang pelajar telah menerimanya di dalam satu majlis yang telah berlangsung di Dewan Anjung Seri Budiman UiTM Shah Alam pada 4 September 2022 yang lepas.

# Memorandum persefahaman (MoU) antara UiTMCM dengan Universiti Chiang Rai Rajabhat, Thailand





ALOR GAJAH - Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Chiang Rai Rajabhat, Thailand bagi kerjasama akademik, penyelidikan, mobiliti, outbound dan kemasyarakatan Asean.

Rektor UiTM, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini berkata, UiTM mengambil peluang itu bagi melaksanakan kerjasama dalam aspek penyelidikan dan pembangunan program mobiliti pelajar bagi kedua-dua universiti.

# Kunjung hormat Pengarah MKN Negeri Melaka ke UiTM Cawangan Melaka










MELAKA, 21 Oktober 2022- Terima kasih diucapkan kepada Encik Mohd Shaiful Hizam Johan, Pengarah MKN Melaka (MKN) Negeri Melaka serta delegasi atas kesudian melakukan kunjung hormat ke UiTM Cawangan Melaka pada pagi ini.

UiTM Cawangan Melaka amat berbesar hati untuk bersama dengan MKN dalam inisiatif menyampaikan Dasar Keselamatan Negara (DKN) kepada masyarakat terutamanya kepada golongan muda.

# Program "Charity Week 2022" (CW2022)














AYER KEROH, 18 Oktober 2022 - Program pembukaan Charity Week 2022 - Team #SUZAUiTMCM#CIPSF#MASMEDUiTMCM #IslamicReliefMalaysia telah berlangsung baru-baru ini bertempat di Mydin Ayer Keroh, Melaka. Aktiviti yang dijalankan hari ini ialah sesi perkongsian bersama Bro Haris IRM dan Sis Irma Hasmie dan juga pertandingan mewarna untuk kanak-kanak bawah 12 tahun. Program ini diadakan bagi mendapatkan dana sumbangan orang ramai untuk membiayai golongan memerlukan dibawah program Islamic Relief Worldwide. Terdapat 18 buah negara yang menyertai Charity Week IRM tahun ini dan sasaran setiap negara adalah berbeza sesuai dengan keperluan masing-masing. Diharapkan program yang dirancang sepanjang minggu Charity Week ini dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang diharapkan.

# Majlis Perasmian Pembukaan Expo Lendu International Art Community (LIAC#4)




ALOR GAJAH, 21 Oktober 2022 - Majlis Perasmian Pembukaan Expo Lendu International Art Community (LIAC#4): Pasca Covid 19 serta Pameran Profil Ismail Baba telah berlangsung disempurnakan oleh Yang Berusaha En Ameruddin Bin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara bertempat di Dewan Kuliah 1, UiTM Kampus Alor Gajah. Dalam majlis sama, sebuah pameran profil yang mengetengahkan pelukis terkenal dengan gaya naïve iaitu En Ismail Baba yang telah memperagakan hasil karya-karya terdahulu dan terkini sepanjang pembabitannya dalam arena seni.

# Majlis Perasmian Karnival Youth Career, Lendu International Arts Community LIAC#4 Dan Hari Terbuka DUN Lendu 2022




ALOR GAJAH, 24 Oktober 2022 - Telah berlangsung Majlis Perasmian Karnival Youth Career, Lendu International Arts Community LIAC#4 Dan Hari Terbuka DUN Lendu 2022 dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md Ali bertempat di Kompleks Sukan, Masjid Tanah, Melaka. Antara aktiviti dalam karnival tersebut adalah Pasar Seni #LIAC4 melibatkan 15 Artis Luar Negara, 35 Artist tempatan, 74 pelajar Sek Seni, 200 Mahasiswa UiTM, 60 pensyarah Seni dan tentunya komuniti setempat.

# Pameran Seni "DERIA 2022"















MELAKA, 20 Oktober 2022 - Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bersama Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) telah menganjurkan pameran seni "DERIA 2022" dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Norazlan b. Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertempat di Balai Seni Melaka hari ini. Pameran DERIA 2022 ini telah berjaya menghimpunkan 63 buah karya seni hasil kreativiti daripada barisan Pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka dengan tema "Masyarakat dan Anti Rasuah". Pameran ini bermula dari 6 Oktober 2022 hingga 13 November 2022; bagi menyampaikan mesej anti rasuah kepada masyarakat melalui cara kreatif iaitu melalui karya seni.

# Album Pameran Seni "DERIA 2022"























# Webinar bersiri  Bicara Pakar 2 Benua: Mencipta Usahawan Zoomer




ALOR GAJAH, 22 Oktober 2022 – Jawatankuasa Mobiliti Inbound Fakulti dengan kerjasama Members of Bachelor Accountancy, Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) dan jalinan Kerjasama Antarabangsa bersama Universitas Islam Negeri Sumatera Utara (UIN SU) Medan dan Asosiasi Dosen Akuntasi Indonesia (ADAI) telah merealisasikan penganjuran mobiliti secara maya melalui program Webinar bersiri Bicara Pakar 2 Benua: Mencipta Usahawan Zoomer. Program 2 siri yang telah dilaksanakan pada 15 dan 22 Oktober 2022 ini melibatkan penyertaan seramai 100 orang pelajar UiTMCM dan UIN SU. Program ini merupakan inisiatif sulung yang dirancang bagi mencapai matlamat Perjanjian Persefahaman (MOU) yang baru sahaja dimeterai bersama pihak ADAI di mana antara harapannya adalah untuk menggalakkan kerjasama dan kolaborasi antarabangsa baik dari sudut hal akademik, kebudayaan dan penyelidikan dalam kalangan kakitangan dan pelajar dari kedua-dua negara.

# Exchange Of Memorandum Of Understanding (MoU) And Memorandum Of Agreement (MoA) Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) And 18 Industries





















**JASIN, 20 OKTOBER 2022** – Universiti Teknologi MARA (UiTM) through the Office of Industry, Community and Alumni Network (ICAN), Faculty of Plantation and Agrotechnology (FPA) has signed Memorandum of Understanding (MoU) and Memorandum of Agreement (MoA) with 18 industries partners to provide additional value to all parties involved in highlighting their respective expertises.The exchange of the MoU and MoA was done by the Vice Chancellor of UiTM, The Honourable Professor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor and witnessed by the Deputy Vice Chancellor of Industry, Community and Alumni Network (ICAN) UiTM, The Honourable Professor Dr. Mohamad Hariri Haji Abdullah.

# Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama (Joint Management Committee - JMC)










ALOR GAJAH , 27 Oktober 2022 - Telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bersama (Joint Management Committee - JMC) bagi tujuan pemantauan dan pelaporan serta membincangkan perkara-perkara berkaitan kerjasama di antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka Bil.1/2022 bertempat di Ibu PejabatJabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di Putrajaya. Untuk makluman, Persefahaman (NoU) di antara Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah dimeterai pada 1 Oktober 2020. Antara skop kerjasama yang telah dipersetujui bersama adalah perkongsian kepakaran JPK dan UiTM, melaksanakan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dan perkongsian dalam penyelidikan dan pembangunan tenaga mahir negara.

# Pembentangan Akhir AKNC 2022 UiTM Cawangan Melaka




SHAH ALAM, 28 Oktober 2022 - Suasana sepanjang sesi pembentangan akhir AKNC 2022 UiTM Cawangan Melaka disampaikan oleh YBhg. Rektor, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini diiringi Prof Madya Dr Ismadi Md Badarudin, Timbalan Rektor HEA, Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono,Timbalan Rektor HEA, Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Bin Jono, Timbalan Rektor HEP, Dr. Nur Hayati Bt. Abdul Rahman, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri dan Puan Nor Aishah Bt Husain, Timbalan Pendaftar Kanan.Terima kasih kepada pasukan penulis AKNC2022 yang telah bersama-sama menjayakan sesi pembentangan dengan cemerlang pada hari ini.

# Program Kepimpinan Altruistik bertempat di Dewan Taming Sari, UiTM Cawangan Melaka











ALOR GAJAH, 29 Oktober 2022 - Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Melaka telah mengadakan Program Kepimpinan Altruistik bertempat di Dewan Taming Sari, UiTM Cawangan Melaka. Seramai 1,200 pelajar telah menghadiri program ini.

Objektif utama program ini ialah meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai kepimpinan altruistik, meningkatkan kefahaman dan semangat kesukarelawan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai asas kepada pengurusan bencana dan asas kaunseling.

# Kem Dan Pertandingan Robotik Lego Education WEDO 2.0 Peringkat Negeri Melaka



ALOR GAJAH, 30 Oktober 2022 – Seramai 34 orang murid sekolah rendah sekitar Melaka telah menyertai program Kem dan Pertandingan Robotik Lego Education Wedo 2.0 Peringkat Negeri Melaka selama dua hari bermula 29 hingga 30 Oktober 2022 anjuran bersama UiTM Cawangan Melaka, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Gabungan Belia Bersatu Malaysia (GBBM) Negeri Melaka dan Kidszone Robotics Melaka. Program yang berlangsung selama dua hari ini telah diisi dengan kelas asas robotik pada 29 Oktober dan pertandingan robotik pada 30 Oktober 2022.Pengarah Program ini iaitu Puan Aini Qamariah Mohd Yusof berkata program usahasama ini adalah inisiatif pihak penganjur dalam membantu melestarikan matlamat kerajaan untuk membina generasi celik sains dan teknologi di masa hadapan.

# UCAPAN TAHNIAH, KEJAYAAN & PENCAPAIAN WARGA UNIVERSITI


Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
Tahniah
Dr. Siti Normah Awang Tuah
atas pelantikan sebagai
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
berkuat kuasa
1 Oktober 2022
daripada
Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka
#KeluargaUiTM


Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
Setinggi-tinggi
Penghargaan
dan Terima Kasih
Prof. Madya Dr. Ahmad Fadhly Arham
atas khidmat bakti sebagai
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
tempoh perkhidmatan
1 Oktober 2016 - 30 September 2022
daripada
Rektor
Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka
#KeluargaUiTM


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
Tahniah
Dr. Intan Maizura Binti Abdul Rashid
Fakulti Pengurusan & Perniagaan
atas Lantikan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai:
PENYEMAK INDIKATOR NEGARA BAGI LAPORAN GLOBAL COMPETITVENESS REPORT (GCR) DAN LAPORAN WORLD COMPETITIVENESS YEARBOOK (WCY)
20 SEPTEMBER - 30 NOVEMBER 2022
Ahli penyemak:
Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini
Dr. Mastura Roni
Dr. Mohd Hafiz Bakar
En. Syahiru Shafiai
Pn. Harniyati Hussin
daripada:
Rektor, Pengurusan Eksekutif dan
Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka
#keluargaUiTM


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
Tahniah
En. Syahiru Bin Shafiai
Fakulti Pengurusan & Perniagaan
atas Lantikan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai:
PENYEMAK INDIKATOR NEGARA BAGI LAPORAN GLOBAL COMPETITVENESS REPORT (GCR) DAN LAPORAN WORLD COMPETITIVENESS YEARBOOK (WCY)
20 SEPTEMBER - 30 NOVEMBER 2022
Ahli penyemak:
Dr. Intan Maizura Abdul Rashid
Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini
Dr. Mohd Hafiz Bakar
Dr. Rafiatul Adlin Hj Mohd Ruslan (UiTMCS)
Dr. Maimunah Johari
daripada:
Rektor, Pengurusan Eksekutif dan
Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka
#keluargaUiTM

PENCAPAIAN / KEJAYAAN / HARI LAHIR






# A-MiNDS Raih Penarafan EMAS di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat UiTM 2022




Tahniah diucapkan kepada Kumpulan A-MiNDS yang mewakili UiTM Cawangan Melaka bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat UiTM 2022 yang telah diadakan di UiTM Seri Iskandar, Perak dari 16 hingga 18 Oktober 2022 diatas penarafan EMAS dan Anugerah Saguhati bagi Pertandingan Poster KIK **Terbaik** . AA-MiNDS raih Penarafan EMAS di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat UiTM 2022hli kumpulan A-MiNDS yang diketuai oleh Dr Ijlal Saja @ Mearaj, dibantu oleh ahli-ahli, En. Mohamad Shafiei Ayub, Pn Asma' Fauzi, Pn Suzzana Othman, Cik Nurshaza Farah Md Sharif, Pn Aqilah Arshad, Dr Asma' Wardah Surtahman, Pn Ilinadia Jamil, En Mohd Zaki Mohd Fadil, En Mohd Abqari Ayob dan dibantu oleh fasilitator kumpulan, Pn Nur Hidayatulshima Omar merupakan gabungan pensyarah -pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa, Akademi Pengajian Islam Kontemporari dan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Cawangan Melaka.


UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
Cawangan Melaka
Selamat Maju Jaya!
Pasukan AKNC
UiTM Cawangan Melaka
Peringkat Akhir
Anugerah Naib Canselor
2022
Dewan Seri Budiman, UiTM Shah Alam
28 Oktober 2022


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Setinggi-tinggi
Tahniah
NUR QISTINA BATRISYIA BINTI ADINATTA (AT110)
telah memenangi
PINGAT EMAS
dalam
KEJUARAAN SILAT KEBANGSAAN PSSGM KEB 2022 DI BESUT, TERENGGANU
bagi kategori
SILAT OLAHRAGA (KELAS C)
daripada
DEKAN & WARGA FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI
Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan
UiTM di hatiku
http://fpa.uitm.edu.my
Fakulti Perladangan dan Agroteknologi Universiti teknologi MARA

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

# Siri Bengkel / Webinar / Persidangan
Universiti


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
UiTM di hatiku
PTAR
Kembara
SEMANGAT MELAKA
oleh Bonda Nor
Dewan Seminar Aras 16, UiTM Kampus Bandaraya Melaka
12 Oktober 2022 | 2:00 petang - 4:00 petang
Bonda Nor Sdn Bhd


Via webex
AMRAN HAZALI
MOHD AB MALEK BI...
saladin
MUAZ HJ MOH...
DR.AZHANA
BUAL BICARA
BERSAMA
CEO
(SIRI 2)
YBHG. DATO' AMRAN BIN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG
14 OKTOBER 2022
10:00 PAGI (MYT) / 9:00 PAGI (WIB)
SEMUA DIJEMPUT HADIR
MODERATOR:
PROF MADYA DR MOHAMED SALADIN ABDUL RASOOL
PENGARAH
CENTER FOR ISLAMIC PHILANTHROPY & SOCIAL FINANCE
(CIPSF)
webex
SCAN ME
+13


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
Sharing Session
KELAYAKAN PROFESSIONAL
MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGIST (MBOT)
Penceramah
Ts. DR. NOR MASRI BIN SAHRI
Pensyarah Kanan FSKM
Head of Cybersecurity Research, Education & Network Center
UiTM Cawangan Melaka
Penceramah
Ts. NOR ELIMTIAZ BIN ABIDIN
Pensyarah FPP
UiTM Cawangan Melaka
22SEPT 2022 KHAMIS
9.00PG HINGGA 12.00TGH
LIVE WEBEX CISCO
Anjuran
Unit for Curriculum Affairs and Academic Development (UCAAD)
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
UCAAD TIMES

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

# Artikel / Liputan
Media

VEHICLE DAMAGE

# Having car insurance coverage for floods is vital

**NATURAL** disasters have been the focus among authorities and people, especially as they damage property.

One of the things being talked about is insufficient preparation and the lack of a contingency plan, especially when it comes to insurance coverage for damage to a vehicle.

When a car is submerged in floodwater, the engine and other components are affected and the cost to repair them can be expensive.

If the existing motor insurance policy does not cover the repair cost, it will be a financial burden to the owner.

Therefore, having additional coverage is important.

A vehicle owner should get additional cover not only for floods, but also other perils such as landslides, sinking soil and storms.

In Malaysia, additional coverage is being offered by just a few insurance providers.

Therefore, before any renewal of a motor insurance policy, it is advisable to check various points in the policy coverage including the possibility of additional coverage from insurance companies.

One of the major duties of an insurance agent is to explain the benefits offered under the policy and additional risks that can be extended, as well as all the information that might be needed by the paying vehicle owner.

As the owner of a vehicle, understanding of the scope of the insurance coverage is very important.

It is our right to get the full information about the insurance policy from the agent so we can have an easier time during the claim settlement process.

A natural disaster can bring about severe financial loss. Thus, purchasing sufficient insurance coverage within our financial capacity is an important part of risk management to minimise loss involving our vehicle.

**JOEAIZA JUHARI**
Senior lecturer
Faculty of Business and Management, UiTM Melaka

Artikel Akhbar - New Straits Time
17 Oktober 2022

**Joeaiza Juhari**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Perniagaan
UiTM Cawangan Melaka

# Artis usah pertaruh glamor, kontroversi jadi calon PRU-15



Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Melaka

Oleh Shafezah Abdul Wahab
bhrencana@bh.com.my

**Bahang** Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) semakin hangat, malah ia tidak hanya dalam lingkungan ahli politik bercita-cita menjadi calon sama ada di Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri (DUN), bahkan golongan lain berkongsi impian sama.

Seperti pernah dilihat pada beberapa siri PRU lalu, artis dengan ideologi politik tidak ketinggalan menonjolkan diri untuk mewakili suara rakyat berbekalkan bakat dan pengaruh mereka.

Pembabitan artis dalam perjuangan parti politik dilihat sebagai satu strategi 'boleh menang' yang digunakan bagi meraih undi apabila parti politik memanfaatkan kehadiran selebriti politik untuk jangka panjang.

Pada PRU-15, pelakon dan pengarah Ahmad Idham Ahmad Nadzri menyerahkan kepada pucuk pimpinan Gerakan Tanah Air (GTA) Negeri Sembilan sama ada dirinya layak bertanding, sekali gus boleh dianggap isyarat sedia untuk dicalonkan.

Sementara itu, dua lagi penggiat seni, iaitu Ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR, Datuk Hans Isaac dan EXCO Pemuda UMNO Bahagian Kluang, Johor, Shahrol Shiro juga terbuka untuk menjadi calon parti masing-masing pada PRU-15.

Selain itu, nama seperti Altimet, Afdlin Shauki dan Caprice juga antara menjadi bualan di media sosial sebagai antara artis yang akan bertanding untuk kerusi DUN.

Jika sebelum ini pembabitan artis dalam politik dilihat sebagai platform memperjuang hak orang seni, pilihan raya kali ini nampaknya selebriti politik lebih matang dalam perjuangan parti.

Ahmad Idham menjelaskan manifesto parti diwakilinya adalah gerakan daripada rakyat untuk rakyat, manakala Hans dalam PKR tekad untuk lawan dan banteras kleptokrasi.

## Bukan trend baharu

Trend artis menjadi calon ahli politik bukan baharu. Abu Bakar Ellah pernah bertanding kerusi DUN Kuamut, Sabah pada PRU-11.

Pada PRU-13, tiga artis seperti Herman Tino bertanding di Parlimen Tanjung Karang sebagai calon Bebas; Dayangku Intan menjadi calon PKR dan bertanding di Parlimen Pengerang serta Aishah menyertai PAS bertanding sebagai calon Parlimen Jempol walaupun semua mereka gagal mendapat tempat dalam pentas politik demokrasi tanah air.

Pada PRU-14, industri seni hiburan dan politik tanah air dikejutkan apabila pelakon dan pengacara, Azwan Ali mengumumkan pencalonannya sebagai calon Bebas di kerusi DUN Bukit Antarabangsa.

Begitu juga pelakon, Datuk Dira Abu Zahar apabila menang kerusi DUN Rim pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka tahun lepas dan kini menjadi Timbalan Speaker DUN Melaka.

Meletakkan calon luar daripada bidang politik bukan asing pada masa sekarang dan pembabitan artis dalam dunia politik juga dilihat masih kecil.

Tidak dinafikan artis menjadi kelompok berpengaruh apabila parti kerajaan mahupun pembangkang menggunakan populariti mereka untuk meraih sokongan.

Bagaimanapun, golongan artis perlu beringat bahawa berpolitik dan menganggotai parti politik adalah dua perspektif berbeza seperti bezanya menjadi komentator pertandingan nyanyian dari kerusi juri dengan menyanyi sendiri di atas pentas.

Keputusan artis untuk menyertai parti politik pasti dipengaruhi banyak faktor.

Menyertai parti politik bererti bukan sekadar membawa perjuangan golongan artis semata-mata, malah melangkaui nasib dan masa depan agama, bangsa dan negara.

Ia membolehkan seseorang artis mendapat hak dan berperanan sebagai ahli parti, sekali gus layak menjawat jawatan dalam parti atau menjadi calon dalam pilihan raya.

Oleh itu, golongan artis perlu mendalami politik dan politik kepartian terlebih dahulu agar sama-sama dapat melakukan transformasi negara ke tahap lebih maju dan disanjungi pada PRU-15.

Mereka juga perlu jujur dan ikhlas dalam menggalas tanggungjawab sebagai ahli parti, bukan lagi terbawa-bawa *trend* penuh glamor dan sentiasa mencipta kontroversi.

Sebaiknya, mereka perlu melengkapkan diri dengan ilmu sains politik, perang saraf dan komunikasi sebelum menempatkan diri di tengah khalayak untuk berbicara dan berkomentar berkaitan politik semasa agar setiap tutur bicara, idea dan tingkah tidak menjadi bahan ketawa atau lebih malang menjadi sumber perpecahan bangsa.

Artikel Akhbar - Berita Harian
16 Oktober 2022

**Shafezah Abdul Wahab**
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka



SHAFEZAH

# Media sosial tarik perhatian anak muda

PENGGUNAAN media sosial dewasa ini dianggap begitu mustahak dan dilihat berupaya menarik perhatian ramai terutama golongan muda tidak kira dalam apa juga perkara termasuk bisnes, penyampaian informasi, motivasi mahupun kempen pilihan raya.

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang dijangka berlangsung pada bulan depan diharap membawa dimensi baharu kepada landskap politik negara selepas had umur mengundi dikurangkan dari 21 kepada 18 tahun.

Pastinya, usaha bagi menarik sokongan pengundi muda berbeza memandangkan golongan tersebut cenderung menghabiskan masa menghadap media sosial.

Pensyarah Kanan, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka, Shafezah Abdul Wahab berkata, media sosial merupakan komponen penting bagi meraih undi pada PRU15 nanti.

Jelasnya, parti politik yang berjaya memanfaatkan medium media sosial sepenuhnya akan mendapat tempat di hati pengundi muda yang dianggarkan berjumlah 21 juta (18 hingga 40 tahun).

"Sudah pasti, media sosial akan memainkan peranan penting semasa pilihan raya nanti. Ini kerana, kebanyakan anak muda gemar menggunakan platform itu sama ada TikTok, Instagram mahupun Facebook.

"Lagi satu, calon-calon yang sedia popular di media sosial akan ada kelebihan sepanjang tempoh berkempen nanti," katanya ketika dihubungi *K2* baru-baru ini.

Shafezah turut memaklumkan, calon-calon yang berkempen menerusi media sosial perlu mempunyai strategi ampuh, sekiranya tidak mahu dipandang negatif oleh netizen.

Ujarnya, strategi terbaik adalah dengan membawa banyak isu yang dekat dengan masyarakat dan orang muda seperti pendidikan, peluang pekerjaan serta kos sara hidup," katanya.

Artikel Akhbar - Kosmo
20 Oktober 2022

**Shafezah Abdul Wahab**
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

# PRU15: Momentum PRN Melaka untuk BN tawan kerusi Parlimen

**MELAKA:** Setahun Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka berlalu, pengundi Melaka akan kembali pada 19 Nov ini sempena Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) bagi memilih wakil rakyat yang akan mewakili suara mereka di Parlimen.

Jika Melaka sentiasa dikaitkan sebagai kubu kuat Barisan Nasional (BN), namun pada PRU14, BN kehilangan kubu kuatnya itu apabila hanya memenangi dua kerusi Parlimen iaitu Jasin dan Masjid Tanah dan 13 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) sekali gus gagal membentuk kerajaan di peringkat negeri.

Belum sembuh luka PRU14 itu, kerusi Parlimen Masjid Tanah pula 'terlepas' selepas penyandangnya Datuk Mas Ermieyati Samsudin pada Disember 2018 menyertai BERSATU, yang ketika itu sebuah parti dalam kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan kini merupakan komponen Perikatan Nasional (PN).

Namun, BN bangkit semula pada PRN Melaka pada Nov 2021 dengan menang bergaya selepas memperoleh 21 daripada 28 kerusi yang dipertandingkan, yang memberi isyarat bahawa parti itu juga bersedia untuk menawan lebih banyak kerusi Parlimen di negeri itu apabila PRU15 diadakan.

Menurut Timbalan Pengarah Jentera BN Melaka Datuk Hasnoor Sdg Husin, BN Melaka meletakkan sasaran untuk menang di empat kerusi Parlimen iaitu Masjid Tanah, Alor Gajah, Tangga Batu dan Jasin, serta turut mengintai peluang di Hang Tuah Jaya pada PRU15.

Menyenaraikan Undi18 sebagai cabaran untuk BN pada PRU15 kerana ia akan memberi impak terhadap peratusan keluar mengundi dan sokongan, Hasnoor ketika dihubungi Bernama berkata beberapa strategi telah diatur bagi menawan kelompok itu.

"Kami akui berdepan cabaran dengan Undi18 ini kerana PRN Melaka yang lalu, mereka belum didaftarkan secara automatik lagi. Mana-mana parti pun menaruh kesangsian adakah mereka dapat menawan golongan ini pada PRU15 nanti.

Berkuat kuasa 15 Dis 2021, Undi18 telah diwartakan. Mereka yang berumur 18 tahun didaftarkan secara automatik sebagai daftar pemilih.

"Bagi BN, kami akan mendekati golongan muda ini yang lahir daripada keluarga penyokong BN serta menerusi pertandingan sukan di peringkat akar umbi selain mengukuhkan peranan BNComms (platform media sosial komunikasi BN) menggunakan platform media sosial," kata Hasnoor.

Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Melaka Shafezah Abdul Wahab berkata BN berpeluang untuk menang di Masjid Tanah, Alor Gajah, Tangga Batu dan Jasin jika parti itu meletakkan calon muka baharu kerana ia dilihatnya mampu memberi kelebihan kepada jentera ketika berkempen.

Beliau berkata muka baharu itu perlu bebas daripada sebarang kes di mahkamah terutama membabitkan rasuah kerana sentimen menolak pemimpin parti yang terpalit dengan perkara tersebut masih menebal dalam kalangan pengundi terutama kelompok belia.

"Kemenangan BN amat bergantung kepada calon yang dipertandingkan mestilah bersih daripada sebarang kes mahkamah dan juga yang dapat mewakili orang muda, selain kempen di media sosial perlu dimanfaatkan calon dan parti bagi meraih undi kelompok berkenaan," katanya. — Bernama

Artikel Akhbar - Kosmo
30 Oktober 2022

**Shafezah Abdul Wahab**
Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
UiTM Cawangan Melaka

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Diterbitkan oleh:

اونيۏرسيتي تيکنولوݢي مارا
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049

9 772785 804005